

TARIKH	9 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Setempat

Terus ke Makkah

KELANA JAYA: Urusan penerbangan jemaah haji ke Makkah bagi tahun ini akan dikendalikan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) selama 11 hari lagi, kata Timbalan Pengarah Tabung Haji Negeri, Mohd Rafidi Ibrahim.

Menurut beliau, semua penerbangan terbabit akan terus mendarat di Makkah menyertai semua jemaah yang sudah pun berada di sana termasuk bagi kumpulan dari Madinah yang tiba lebih awal sebelum ini.

“Semua jemaah di sana sudah pun mula berihram, begitu juga dengan kumpulan yang bakal berlepas dalam tempoh 11 hari ini yang akan berihram dari Malaysia lagi.

“Sebanyak 80 peratus penerbangan akan diuruskan stesen Tabung Haji Kelana Jaya manakala 20 peratus lagi akan dikendalikan enam stesen lain,” katanya ketika dihubungi.